

03/09/1998

Itex '98 tonjol pencipta tempatan

KUALA LUMPUR, Rabu - Pameran Rekacipta, Inovasi, Rekabentuk Perindustrian dan Teknologi Antarabangsa (Itex '98) akan berlangsung 10 hingga 13 Oktober depan, dijangka mempromosikan bakat pencipta tempatan di peringkat antarabangsa.

Pameran itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka menyaksikan penyertaan kira-kira 70 peserta dari dalam dan luar negara.

Presiden Persatuan Ciptaan dan Rekabentuk Malaysia (Minds), Tan Sri Dr Augustine Ong, berkata pameran itu menjadi landasan bagi mengembangkan serta memasarkan ciptaan tempatan.

"Selain pameran, pertandingan rekaan paling inovatif, seminar dan malam budaya juga diadakan bagi memeriahkan lagi Itex '98," katanya pada sidang akhbar Itex '98 di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding; dan Naib Presiden Perkhidmatan Jurutera Sirim Berhad, Dr Mohd Shazali Othman.

Dr Augustin berkata, pameran di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid itu akan menampilkan pelbagai rekacipta dari individu dan syarikat swasta serta agensi kerajaan.

Antara peserta yang mengambil bahagian dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (Mint), Majlis Rekabentuk Malaysia dan Guangzhou Electric Apparatus Research Institut.

Mengenai sambutan hasil ciptaan dari pameran terdahulu di pasaran dunia, beliau berkata, kurang dari lima peratus ciptaan menjadi bahan komersil, bagaimanapun di negara ini pasaran lebih meluas.

Terdahulu, Law menerima kunjungan rasmi Menteri Alam Sekitar Finland, Pekka Haavisto.

Kunjungan itu bertujuan mengadakan perbincangan dua hala pelbagai isu, termasuk jerebu, kualiti udara, kepelbagaian biologi, kebakaran hutan dan pengurusan hutan.

Law berkata, Finland berminat memberi kerjasama dalam mengadakan kajian mendalam mengenai kesan jerebu terhadap kesihatan penduduk negara ini.

Selain itu, beliau berkata, Finland juga berminat bertukar teknologi, umpamanya kaedah pembuangan sisa pepejal dan pembuangan air daripada kilang kertas.

(END)